



Soalan Lazim



Hubungi Kami

Aduan dan
Maklum Balas

Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

Utama Arkib 2017 Petikan Akhbar

Utusan Malaysia - Kemas Kini BR1M 2018 Bermula Minggu Depan

Utusan Malaysia - Kemas Kini BR1M 2018 Bermula Minggu Depan

🕒 Isnin, Nov 27 2017



Kemas kini BR1M 2018 bermula minggu depan

PUTRAJAYA 24 Nov. - Permohonan dan urusan mengemas kini maklumat Bantuan Rakyat Malaysia (BR1M) bagi tahun 2018 akan dibuka bermula 27 November hingga 31 Disember ini.

Kementerian Kewangan memaklumkan, pemohon boleh melakukannya melalui dua kaedah iaitu secara manual atau dalam talian.

"Jika secara manual mereka perlu mengisi dan mendapatkan borang secara percuma di mana-mana cawangan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Pusat Khidmat Hasil LHDN atau Pusat Transformasi Bandar LHDN.

"Sekiranya menerusi dalam

talian, pemohon perlu memuat turun borang permohonan di portal rasmi BR1M di <http://ebr1m.hasil.gov.my>," kata Kementerian Kewangan dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Bagi pasangan kepada penerima BR1M 2017 yang meninggal dunia serta pemohon yang gagal atau tidak layak dalam permohonan 2017 perlu membuat permohonan baharu bagi BR1M 2018 manakala penerima sedia ada perlu membuat melakukan kemas kini jika terdapat sebarang perubahan maklumat peribadi atau sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga tahun.

Kenyataan itu menambah, kerajaan tidak pernah mengeluarkan sebarang kenyataan mengenai BR1M melalui aplikasi WhatsApp dan media sosial, justeru maklumat sahih hanya boleh diperoleh melalui risalah BR1M 2018 yang diedarkan kepada para penerima juga melalui laman web <https://ebr1m.hasil.gov.my>.

"Kerajaan berharap pembayaran BR1M 2018 dapat membantu meringankan kos sara hidup rakyat dan jika terdapat sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi talian bebas tol 1-800-88-2716 atau e-mel kepada br1m@treasury.gov.my.

Pekeliling Perbendaharaan



BISNES

AGENSI

WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian <

Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro <

e-Penyertaan & Maklumbalas <

Statistik & Prestasi <

Pautan <

Agensi <

Hubungi Kami



Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) |
[Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **12 Februari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**

